

Kabinet arah bela nasib 450,000 pekebun getah

BAH 10 MAR 2000

IPOH, Khamis – Kabinet mengarahkan tiga kementerian mengendalikan kajian terperinci berhubung industri getah di Malaysia, terutama nasib lebih 450,000 pekebun kecil serta industri sokongan kegiatan itu.

Arahan itu dikeluarkan Kabinet dalam mesyuaratnya minggu lalu, membabitkan Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Sumber Manusia.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata kajian itu akan mencari penyelesaian pelbagai masalah dalam industri getah, termasuk menilai prospek beralih tanaman kepada kelapa sawit bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

“Tumpuan kita kepada pekebun kecil dan industri sokongan. Kita mahu meningkatkan pendapatan pekebun kecil serta pada masa yang sama memastikan industri hiliran berasaskan getah terus berkembang.

“Perlu diingat industri getah masih penting, terutama kepada kegiatan hiliran seperti industri perabot berasaskan kayu getah dan sarung tangan,” katanya selepas berucap di Seminar Gerakan Desa Wawasan (GDW) Perak di sini, petang ini.

Seminar itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Azmi berkata, kerajaan memberi perhatian serius terhadap nasib pekebun kecil getah di seluruh negara yang menyumbang 75 peratus daripada hasil getah kepada industri itu.

Katanya, 88.2 peratus keluasan tanaman getah di negara ini diusahakan pekebun kecil, manakala pemilik estet menguasai 11.8 peratus

daripada keluasan tanah tanaman getah.

“Kita tidak mahu industri getah mendapat untung besar tetapi pekebun kecil masih terhumban dalam masalah kemiskinan,” katanya.

Azmi berkata, pelbagai usaha boleh diambil, termasuk perkongsian pintar antara pengusaha getah dan industri hiliran supaya kedua-dua pihak memperoleh manfaat.

Menurutnya, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mempengerusikan jawatankuasa mengkaji industri getah merangkumi menteri, pegawai kanan serta kakitangan dua kementerian lain.

“Semua kementerian sedang mengumpul maklumat sebelum memulakan perbincangan. Kita bercadang mengemukakan kajian itu secepat mungkin kepada Kabinet,” katanya.

Sementara itu, Azmi mengakui masih ada pihak tidak tahu mengenai GDW walaupun projek itu sudah dilancarkan empat tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Memang ada pandangan seperti itu. Bagaimanapun, mulai tahun ini kita akan memberi fokus kepada meningkatkan pendapatan peserta projek itu supaya ia lebih mendapat perhatian.

“Selain itu, kita mahu jadikan GDW sebagai pusat setempat supaya penduduk boleh menyelesaikan masalah tanpa perlu berurusan sendiri di pejabat kerajaan.

“Untuk tujuan itu, setiap pusat akan dibekalkan dengan komputer yang mempunyai talian terus dengan jabatan berkenaan untuk menyelesaikan sebarang masalah,” katanya.